LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

# PUTRAJAYA – BANGI EXPRESSWAY (PBE)

## TAKLIMAT RINGKAS STATUS TERKINI PROJEK KEPADA




## Y.B. DR ONG KIAN MING

**(Ahli Parlimen Bangi P102)**

**28 JANUARI 2022 JAM 10:00 PAGI**

**Pencadang:** PEMBINAAN JAYA ZIRA SDN BHD

**Konsesi:** BEX BANGI EXPRESSWAY SDN. BHD (618357-X)

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

# Kandungan Pembentangan

1. PENGENALAN
2. KRONOLOGI KELULUSAN KERAJAAN
3. MAKLUMBALAS AWAM
4. RINGKASAN MAKLUMAT TANAH
5. VIDEO FLY-THROUGH PBE

BEX
BANGI EXPRESSWAY SDN. BHD
(618357-X)

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA



# 1.0 PENGENALAN

BEX
BANGI EXPRESSWAY SDN. BHD
(618357-X)

# LATAR BELAKANG PROJEK

| PERKARA | RINGKASAN MAKLUMAT |
|---|---|
| SYARIKAT PENCADANG | **Pembinaan Jaya Zira Sdn Bhd** |
| SYARIKAT KONSESI | **Bangi Expressway Sdn Bhd** |
| JURUTERA PERUNDING REKABENTUK | **Kastri Engineers Sdn Bhd** |
| JURUTERA PERUNDING TRAFIK | **Runding Trafik MZK Sdn Bhd** |
| JURUAUDIT KESELAMATAN JALAN | **CNS Consult** |
| JURUPERUNDING UKUR BAHAN | **ARH Jurukur Bahan Sdn Bhd** |
| JURUPERUNDING ALAM SEKITAR DAN SOSIAL | **UKM Pakarunding** |
| JURUPERUNDING TANAH | **JB Consult** |
| JURUPERUNDING PENGURUSAN NILAI | **MCM Value Sdn Bhd** |
| JURUKUR BERLESEN | **Jurukur Indah Sdn Bhd** |

BEX
BANGI EXPRESSWAY SDN. BHD
(618357-X)

# KEPERLUAN PBE

1. Penyuraian Trafik Di Koridor Selatan Putrajaya
2. Melengkapkan Persimpangan Bertingkat di Desa Pinggiran Putra
3. Menepati HNDP 2020 “Cadangan Putrajaya Urban Expressway (PUE)” Oleh HPU
4. Infrastruktur Sokongan Kepada Pembangunan Baru di Bangi, Kajang & Semenyih

| Development | Units |
|---|---|
| Southville City | 3,192 |
| Ecohills | 760 |
| Tiara South | 250 |
| Tiara East | 154 |
| Pelangi Semenyih 2 | 1,923 |
| Kajang East | 116 |
| Kajang 2 | 398 |
| Eco Majestic | 8,902 |
| Serene Height | 436 |
| Alam Sari | 3,628 |
| Tropicana Height | 289 |
| Nadayu 92 | 119 |



LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

# JAJARAN LEBUHRAYA PBE

## KAWASAN PARLIMEN TERLIBAT




**PETUNJUK**
P101 – Parlimen Hulu Langat
P102- Parlimen Bangi
P113 – Parlimen Sepang

(618357-X)

# JAJARAN PBE

## KAWASAN DUN TERLIBAT



# JAJARAN LEBUHRAYA PBE

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

## RINGKASAN PROJEK




| NO | PERKARA | KETERANGAN |
|---|---|---|
| 1. | Panjang jajaran | 13.15km (Jajaran Utama)<br>▪ 2 Lorong 2 hala (CH.0 – CH.3700)<br>▪ 3 Lorong 2 hala (CH.3700 – CH.13150) |
| 2. | Bil Persimpangan | 4 persimpangan utama (interchange)<br>2 Tanjakan (connection ramps) |
| 3. | Sistem Tol | Tertutup (closed system) |
| 4. | Model Kewangan | Bina-Kendali-Pindah (BOT) |

(618357-X)

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

# KOMPONEN JAJARAN PBE

MAINLINE LENGTH - 13150m
- AT-GRADE : 3950m (CH0 - 2100 & CH11300 - 13150)
- ELEVATED : 9200m (CH2100 - 11300)

INTERCHANGE - 4

CONNECTION RAMP - 2



LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

# ALIGNMENT PLAN 1/6






BEX
BANGI EXPRESSWAY SDN. BHD
(618357-X)

# ALIGNMENT PLAN 2/6






BEX
BANGI EXPRESSWAY SDN. BHD
(618357-X)

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

# ALIGNMENT PLAN 3/6






BEX
BANGI EXPRESSWAY SDN. BHD
(618357-X)

# ALIGNMENT PLAN 4/6






BEX
BANGI EXPRESSWAY SDN. BHD
(618357-X)

# ALIGNMENT PLAN 5/6






BEX
BANGI EXPRESSWAY SDN. BHD
(618357-X)

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

# ALIGNMENT PLAN 6/6






BEX
BANGI EXPRESSWAY SDN. BHD
(618357-X)

# 2.0 KRONOLOGI KELULUSAN KERAJAAN

# SENARAI KELULUSAN

| NO. | AGENSI | PERINGKAT KELULUSAN | TARIKH |
|---|---|---|---|
| 1. | Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), JPM | Kelulusan Prinsip | 1 OGOS 2017 |
| 2. | Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), KKR | Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal No.1 | 5 FEBRUARI 2018 |
| 3. | Jabatan Alam Sekitar (JAS), Selangor | Laporan EIA<br>▪ Asal<br>▪ Lanjutan | 6 APRIL 2018<br>16 DISEMBER 2020 |
| 4. | Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), KKR | Value Assessment (VA) | 9 APRIL 2018 |
| 5. | Majlis Perbandaran Kajang | Rancangan Tempatann Majlis Perbandaran Kajang 2035 (Penggantian) | 13 MEI 2020 |

BEX
BANGI EXPRESSWAY SDN. BHD
(618357-X)

# SAMBUNGAN....

| NO. | AGENSI | PERINGKAT KELULUSAN | TARIKH |
|---|---|---|---|
| 6. | Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor | Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) | 6 JANUARI 2021 |
| 7. | Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), KKR | Value Engineering (VE) | SEPTEMBER 2021 |

Jadual Jangkaan Pembinaan

Suku pertama 2023 sehingga 2026

BEX
BANGI EXPRESSWAY SDN. BHD
(618357-X)

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

# Kelulusan Prinsip

**KETUA SETIAUSAHA**
**KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA**
**Secretary General**
*Ministry of Works Malaysia*
Tingkat 5, Blok A
Jalan Sultan Salahuddin
50580 Kuala Lumpur
MALAYSIA

Telefon : 603-8000 8000
Faks : 603-2711 6564
Laman Web : www.kkr.gov.my
Email : zohari@kkr.gov.my

KKR.BPP.(S)708-1/49 ( 6 )
1 Ogos 2017

Pembinaan Jaya Zira Sdn. Bhd.
No 14, Tingkat 1, Jalan Putra Sulaiman Satu
**68000 AMPANG, SELANGOR**
**(u.p.: YBhg. Dato' Hj. Adi Munawar Bin Hj. Md. Din)**

YBhg. Dato',

**CADANGAN PENSWASTAAN PUTRAJAYA – BANGI *EXPRESSWAY***

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju secara prinsip supaya Pembinaan Jaya Zira Sdn. Bhd. ("Syarikat") melaksanakan Cadangan Penswastaan Putrajaya–Bangi Expressway ("PBE") melalui kaedah Bina-Kendali-Pindah (*Build-Operate-Transfer*) tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang akan dirundingkan antara Kerajaan dan Syarikat serta perkara-perkara seperti yang berikut:

(a) rundingan lanjut mengenai cadangan teknikal dan kewangan PBE akan dilaksanakan;

(b) PBE akan dilaksanakan *Special Purpose Vehicle* (SPV) yang akan ditubuhkan oleh Syarikat;

(c) Kerajaan tidak bertanggungan terhadap apa-apa kos atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Syarikat akibat daripada apa-apa tindakan yang diambil oleh Syarikat lanjutan daripada persetujuan Kerajaan; dan

(d) Kerajaan berhak (*reserves the right*) untuk tidak meneruskan atau menangguhkan pelaksanaan cadangan projek atau menukar/mengubah pelaksanaan cadangan projek sama ada dari segi skop dan kos projek. Dalam keadaan ini, Kerajaan tidak bertanggungan terhadap apa-apa kos atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Syarikat sekiranya projek tidak diteruskan, ditangguhkan atau pelaksanaan projek ditukar/diubah atau apa-apa kelewatan di pihak Kerajaan berhubung pelaksanaan cadangan projek dan keadaan tersebut tidaklah dengan apa-apa cara sekalipun melayakkan Syarikat untuk membuat sebarang tuntutan ganti rugi atau pampasan terhadap Kerajaan.

**'KE ARAH KESEJAHTERAAN RAKYAT'**

...2/-

- 2 –

3. Sehubungan itu, ditegaskan bahawa persetujuan secara prinsip ini oleh Kerajaan tidak boleh dianggap mengikat Kerajaan dalam apa cara sekalipun sehingga rundingan mengenai terma-terma dan syarat-syarat perjanjian dimuktamadkan dan perjanjian mengenainya ditandatangani oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' SRI ZOHARI BIN HJ AKOB)**
Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya
Malaysia



BEX
BANGI EXPRESSWAY SDN. BHD
(618357-X)

# Kelulusan EIA

**JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR**
**Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar**
Tingkat 12-14 Wisma Sunway
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C, Seksyen 9
40100 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel.: 03-5521 4000
Faks: 03-5519 4788
Bilik Kawalan: 03-5519 7233
Laman Web: www.doe.gov.my

Rujukan kami: (B) B 50/013/500/028
Jld. 1 (22)
Tarikh : 6 April 2018

**TERHAD**

Pengarah Urusan
Pembinaan Jaya Zira Sdn. Bhd.
No 14, Tingkat 1
Jalan Sulaiman Satu
**68000 AMPANG**

Faks: 03-4256 2202

Tuan,

**LAPORAN *CORRECTED* EIA BERTAJUK "PROPOSED BANGI – PUTRAJAYA EXPRESSWAY (BPE)" UNTUK PENGGERAK PROJEK PEMBINAAN JAYA ZIRA SDN. BHD.**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah menerima Laporan EIA bagi cadangan projek di atas oleh pihak tuan yang disediakan oleh Jururunding EIA, UKM Pakarunding Sdn Bhd melalui surat dengan rujukan UKMPSB/SS/E170954 Bil. (08) bertarikh 5 Mac 2018. Laporan tersebut telah pun dikaji dan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Teknikal (*Technical Review Committee*, TRC) di Jabatan ini pada 28 Mac 2018 yang mendapati Laporan EIA tersebut tidak lengkap. Laporan *corrected* EIA sebagai maklumbalas kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan dalam mesyuarat telah diterima melalui surat perunding tuan dengan rujukan UKMPSB/EIA/E170954 Bil. (10) bertarikh 5 April 2018.

3. **Setelah mengkaji Laporan *Corrected* EIA yang dikemukakan, Jabatan ini mendapati bahawa Laporan EIA tersebut mematuhi Seksyen 34A(2), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.** Dengan itu, sukacita dimaklumkan bahawa Laporan *Corrected* EIA ini **DILULUSKAN** dengan syarat-syarat kelulusan seperti di **LAMPIRAN.**

RECEIVED 18 MAY 2018



"Pemuliharaan Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama"

PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008
NO. SIJIL: AR 5141



4. Jabatan ini ingin menarik perhatian tuan berhubung Syarat-Syarat Kelulusan Laporan EIA yang perlu diberi perhatian oleh pihak tuan dalam pelaksanaan projek ini sekiranya projek ini diluluskan kelak oleh PLANMalaysia@Selangor dan Agensi-Agensi lain yang berkaitan.

5. Kelulusan Laporan EIA ini hanya sah diterima pakai oleh pihak tuan dalam tempoh **dua (2) tahun** dari tarikh surat kelulusan ini dikeluarkan. Sekiranya projek ini tidak dilaksanakan dalam tempoh tersebut, kelulusan Laporan EIA dengan sendirinya **terbatal**. Kelulusan ini juga boleh **ditarik balik** pada bila-bila masa jika didapati berlakunya perlanggaran terhadap mana-mana Syarat Kelulusan Laporan EIA dan arahan memberhentikan operasi boleh dikeluarkan dengan serta-merta.

6. Bagi memudahcara pematuhan Syarat-Syarat Kelulusan Laporan EIA, pihak tuan adalah dikehendaki untuk memastikan *environment officer* (EO) yang dilantik untuk melaksanakan semua aspek mengarus perdana alam sekitar (*environmental mainstreaming tools*) seperti di **Lampiran 1**.

7. Kerjasama dan sokongan pihak tuan dalam memelihara kualiti alam sekitar kita seiring dengan pembangunan lestari adalah dihargai.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(SITI ZALEHA BINTI IBRAHIM, S.M.S.)**
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor

s.k:-

1. Ketua Pengarah
Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar
Aras 1-4, Podium 2 & 3
No. 25, Persiaran Perdana
**62574 PUTRAJAYA**
(u.p: Pengarah, Bahagian Penilaian)
Faks:03–88891036

...2/4



BEX
BANGI EXPRESSWAY SDN. BHD
(618357-X)

# Kelulusan EIA (Lanjutan) – 5 APRIL 2022


JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR
Kementerian Alam Sekitar dan Air
Tingkat 12-14 Wisma Sunway
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C, Seksyen 9
40100 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-5521 4000
Faks : 03-5519 4788
Bilik Kawalan : 03-5519 7233
Laman Web :www.doe.gov.my


*Ruj. Tuan* :
*Ruj. Kami* : (B) B 50/013/500/028 Jld. 1 ( 27 )
*Tarikh* : 16 Disember 2020

TERIMA
31 DEC 2020
PROJECT

Pengarah Urusan
Pembinaan Jaya Zira Sdn Bhd
No. 14, Jalan Sulaiman Satu
Taman Putra Sulaiman
**68000 AMPANG, SELANGOR**
(u.p : En. Ahmad Bin Semail)

Tel : 03-4253 1202
Faks : 03-4253 1201

Tuan,

**LAPORAN PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING (EIA) BAGI "*PROPOSED BANGI – PUTRAJAYA EXPRESSWAY*" UNTUK TETUAN PEMBINAAN JAYA ZIRA SDN. BHD.**
**- Permohonan Melanjutkan Tempoh Kelulusan Laporan EIA**

Saya adalah merujuk kepada surat tuan dengan rujukan PJZSB/JAS/PBE/LT/20/001 bertarikh 30 Oktober 2020 dan diterima oleh Jabatan ini pada tarikh yang sama berhubung perkara tersebut di atas.

2. Berdasarkan semakan rekod, Jabatan ini mengambil maklum mengenai perkara-perkara berikut :

2.1 Kelulusan Laporan EIA dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor pada 6 April 2018 melalui surat dengan rujukan (B) B 50/013/500/028 Jld. 1 (22) dan kelulusan tersebut hanya sah diterima pakai dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh surat kelulusan tersebut iaitu sehingga 5 April 2020;

2.2 Permohonan melanjutkan tempoh kelulusan Laporan EIA dikemukakan oleh pihak tuan dengan alasan :




"Pemuliharaan Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama"


2.2.1 Berikutan Pilihanraya ke 14 pada 9 Mei 2018, Kerajaan Persekutuan telah mengenakan moratorium ke atas beberapa projek konsesi lebuh raya bertol yang baru untuk semakan dan kajian semula. Arahan tersebut turut melibatkan projek ini;

2.2.2 Pada 16 Jun 2020, pada sesi libat urus bersama Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), pihak Jaya Zira telah memberi komitmen untuk meneruskan projek PBE ini;

2.2.3 Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek bersama Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri pada 26 Ogos 2020 telah membuat keputusan untuk mengangkat moratorium tersebut dan membenarkan projek ini diteruskan; dan

2.2.4 Pihak Jaya Zira perlu mendapat kelulusan rasmi daripada Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) dan salah satu perkara yang ditekankan dalam MTES ialah kelulusan Laporan EIA oleh Jabatan Alam Sekitar.

2.3 Konsep dan fasa pembangunan, komponen-komponen, asas rekabentuk dan pelan susunatur adalah masih sama sepertimana dalam kelulusan Laporan EIA; dan

2.4 Keadaan sekeliling semasa di sekitar kawasan projek tidak berubah dan masih mengekalkan guna tanah yang sama.

3. Berdasarkan para 2 di atas, Jabatan ini bersetuju untuk mempertimbangkan lanjutan tempoh kelulusan Laporan EIA yang telah diberikan bagi pelaksanaan cadangan projek di atas selama dua (2) tahun lagi iaitu sehingga **5 April 2022**.

4. Jabatan ini ingin menarik perhatian pihak tuan bahawa syarat-syarat di dalam kelulusan Laporan EIA yang telah dikeluarkan melalui surat Jabatan ini bertarikh **6 April 2018** adalah masih terpakai dan hendaklah dipatuhi sepenuhnya.



5. Kerjasama tuan di dalam memastikan kualiti alam sekitar terpelihara bagi menjamin pembangunan lestari amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(NOR AZIAH BT JAAFAR)**
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor
b.p. Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling Malaysia





BEX
BANGI EXPRESSWAY SDN. BHD
(618357-X)

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

# Kelulusan MTES

SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
TINGKAT 19,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN

Rujukan Kami : IPK.Sel.BK.100/1/9/4Jld.30( 4 )
Tarikh : 6 Januari 2021

YBhg. Dato' Ir. Mohd Shuhaimi bin Hassan
Ketua Pengarah
Lembaga Lebuhraya Malaysia
KM6 Jalan Serdang-Kajang
43000 Kajang, Selangor.

YBhg. Dato' Ir.,

**PEMAKLUMAN KEPUTUSAN MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR KE 42/2020**
**- Cadangan Penswastaan Projek Lebuhraya Putrajaya-Bangi Expressway (PBE) oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Ke 42/2020 berkaitan dengan Cadangan Penswastaan Projek Lebuhraya Putrajaya-Bangi Expressway (PBE) untuk perhatian dan tindakan YBhg Dato' Ir. jua.

3. Kerjasama YBhg Dato' Ir. berkaitan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA)**
**D.P.M.S, B.C.M, B.K.T, P.J.K**

(Sila catatkan rujukan kami apabila berhubung)

Tel.: 03-5514 2134 (Terus), 03-5544 7042/7043/7045/7520 Faks: 03-5510 3062

BEX
BANGI EXPRESSWAY SDN. BHD
(618357-X)

# Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Sepang (Pengubahan 4) 2025




TELAH DIWARTAKAN PADA
TARIKH: **SEPTEMBER 2021**




BEX
BANGI EXPRESSWAY SDN. BHD
(618357-X)

# Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kajang 2035 (Penggantian)




TELAH DIWARTAKAN PADA TARIKH: **13 MEI 2020**







BHD

# 3.0 MAKLUMBALAS AWAM

# SOCIAL IMPACT ASSESSMENT (SIA) by UKM PAKARUNDING

- Establishing the impact zone of the proposed expressway:
  - 1-kilometre corridor, 500 m on each side of the alignment
  - inner 250 m as the directly impacted zone, and
  - outer 250 m as the indirectly impacted zone.

- Estimated number of households found in the impact zone = **4,000 .**

- Adopts questionnaire survey using random sampling as the technique of choosing the respondents.

- Sample size = 527 respondents – 2/3 from within the directly impacted zone,
  - 1/3 from within the indirectly impacted zone

- Series of Focus Group Discussions (FGD) were conducted at:
  - Kg. Sg. Tangkas
  - Kg. Teras Jernang
  - Kg. Jenderam Hilir
  - Bandar Baru Bangi (gabungan Garden Homes, Sect 15 & Sect. 3)

# SOCIAL IMPACT ASSESSMENT (SIA) by UKM PAKARUNDING



# SOCIAL IMPACT ASSESSMENT (SIA) by UKM PAKARUNDING

Overall Local perceptions:

- Advantageous = 71.2%
- Disadvantageous = 28.8%

Local level of acceptability:

- 57.1% agreed,
- 28.8% disagreed, and
- 14.1% unsure




*Nota:-*
*Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA Peringkat Negeri Selangor Bil 8/2021 pada 24 Disember 2021 telah bersetuju dengan Laporan SIA*

## PROJECT IMPACT ON ECONOMIC OUTPUT – DEVELOPMENT PHASE





## PROJECT IMPACT ON ECONOMIC OUTPUT – DEVELOPMENT PHASE

- The economy consists of interdependent economic sectors/industries.
- Positive economic shocks (construction of a new highway) produces ripple effects throughout the economy.



### Direct Impact

Initial positive shock on economic sectors created by capital expenditure on the highway project.



### Indirect Impact

Secondary impact on suppliers that meet demand of the economic sectors that were initially/directly impacted, and so on.



### Induced Impact

Income increase because of project implementation is spent thus generating even more economic impact on various economic sectors.

# ECONOMIC IMPACT ASSESSMENT by PERUNDING TAMADUN TERAS SDN BHD

## PROJECT IMPACT ON ECONOMIC OUTPUT – DEVELOPMENT PHASE



Development Expenditure

RM2,338 million

|  Direct Impact |  Indirect Impact |  Induced Impact |  Total Impact |
|---|---|---|---|
| RM2,725.07 million | RM1,564.99 million | RM1,095.45 million | RM5,385.51 million |

BEX
BANGI EXPRESSWAY SDN. BHD
(618357-X)

# ECONOMIC IMPACT ASSESSMENT by PERUNDING TAMADUN TERAS SDN BHD

## PROJECT IMPACT ON ECONOMIC OUTPUT – DEVELOPMENT PHASE

- Top five sectors



### *Direct* Impact on Economic Output

1. Construction RM1,103.1 million
2. Manufacturing RM767.3 million
3. Mining & quarrying RM520.3 million
4. Business services RM150.2 million
5. Information & communication M101.0 million



### *Total* Impact on Economic Output

1. Manufacturing RM1,846.4 million
2. Construction RM1,142.0 million
3. Mining & quarrying RM650.1 million
4. Wholesale & retail trade RM381.9 million
5. Information & communication RM215.6 million

# PUBLIC OPINION SURVEY (POS) by Perunding Tamadun Teras Sdn Bhd

- **Satu kaji selidik untuk menyiasat pendapat bakal pengguna dan masyarakat terhadap cadangan pembinaan *Putrajaya Bangi Expressway (PBE)* telah dijalankan di lokasi-lokasi yang disampel di sepuluh (10) Blok (Rujuk Peta Blok).**
- **Kerja lapangan kaji selidik ini telah dijalankan pada 7 Januari 2022 hingga 16 Januari 2022.**
- **Jumlah responden yang telah disampel untuk kajiselidik ini ialah seramai 1,121 orang.**

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

# PUBLIC OPINION SURVEY (POS)

## TABURAN RESPONDEN MENGIKUT BLOK




BEX
BANGI EXPRESSWAY SDN. BHD
(618357-X)

# PUBLIC OPINION SURVEY (POS)

Persetujuan Kepada Projek Putrajaya Bangi Expressway (PBE) Mengikut Kumpulan Sasaran




- *Di kalangan **1,121** responden didapati bahawa **78.2%** daripada mereka telah menyatakan persetujuan (sangat setuju dan setuju) kepada cadangan PBE.*
- *Hanya **13.2%** yang menyatakan bahawa mereka tidak setuju (tidak setuju dan sangat tidak setuju). Selebihnya (**8.6%**) mengambil pendirian "neutral".*

BEX
BANGI EXPRESSWAY SDN. BHD
(618357-X)

# 4.0 RINGKASAN MAKLUMAT TANAH

# RINGKASAN MAKLUMAT TANAH

| KETERANGAN | DAERAH SEPANG | DAERAH HULU LANGAT | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| | | | |
| 1. Bilangan Lot Terlibat | | | |
| a. Tanah Bermilik (Bukan Rizab Melayu) | 134 | 76 | 210 |
| b. Tanah Bermilik (Rizab Melayu) | 12 | 3 | 15 |
| c. Tanah Kerajaan Persekutuan/Negeri | 12 | 43 | 55 |
| **Jumlah (Lot)** | **162** | **120** | **280** |
| | | | |
| 2. Bilangan Bangunan Atas Tanah Bermilik | 13 | 35 | 48 |
| | | | |
| 3. Bilangan Bangunan Setinggan | 22 | 50 | 72 |
| | | | |
| 4. Keluasan Tanah Terlibat (hektar) | | | |
| a. Tanah Bermilik (Bukan Rizab Melayu) | 30.60 | 37.18 | 67.79 |
| b. Tanah Bermilik (Rizab Melayu) | 4.64 | 0.17 | 4.81 |
| c. Tanah Kerajaan (Kawasan Sungai) | 16.45 | 25.26 | 41.71 |
| d. Tanah Kerajaan (Rizab jalan dan lain-lain) | 12.21 | 46.70 | 58.91 |
| **Jumlah (Hektar)** | **63.90** | **109.32** | **173.22** |
| | | | |
| **4. Anggaran Kos Pengambilan Tanah (RM/juta)** | **304.0** | **332.0** | **636.0** |

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA



# 5.0 VIDEO FLY-THROUGH PBE

BEX
BANGI EXPRESSWAY SDN. BHD
(618357-X)

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

# VIDEO FLY-THROUGH PBE



LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

# SEKIAN TERIMA KASIH



BEX
BANGI EXPRESSWAY SDN. BHD
(618357-X)